

**LAMPIRAN A**

---

## AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI, 1971

KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI MALAYA (TATATERTIB PELAJAR-PELAJAR), 1975

### SUSUNAN KAEDAH-KAEDAH

#### BAHAGIAN I PERMULAAN

##### Kaedah

1. Nama.
2. Tafsiran

#### BAHAGIAN II TATATERTIB AM

3. Larangan-larangan am.
4. Menghadiri kuliah.
5. Masuk peperiksaan.
6. Sekatan mengenai penggunaan teks kuliah.
7. Mengorganisasi, dsb. perhimpunan-perhimpunan.
8. Mempunyai, memiliki dan menggunakan pembesar-suara-pembesar-suara, dsb.
9. Membuat, mengguna, menunjukkan, mempunyai dsb., panji-panji plakad-plakad, dsb.
10. Menerbitkan dsb., dokumen-dokumen dilarang.
11. Aktiviti-aktiviti pelajar di luar Kampus.
12. Pelajar mengambil bahagian dalam pekerjaan, dsb.
13. Rayuan-rayuan berhubung dengan Universiti dsb.
14. Bantahan pelajar, terhadap kemasukan, pengeklusian dsb., orang-orang daripada Kampus.
15. Judi dalam Kampus.
16. Mabuk.
17. Bahan-bahan lucuh.
18. Dadah dan racun.
19. Kebersihan di dalam Kampus.
20. Membuat bising yang mengusarkan atau mengganggu.
21. Tempat tinggal atau tempat tidur di Kampus.
22. Memasuki bahagian-bahagian larangan Kampus atau bangunan-bangunan.
23. Keengkaran.

## TATATERTIB PELAJAR-PELAJAR

### BAHAGIAN III TATATERTIB ASRAMA

Kaedah

24. Memasuki atau berada dalam bilik pelajar menetap.
25. Menghalang dsb., pegawai-pegawai dsb., daripada masuk dan menjalankan tugas-tugas.
26. Berada di luar asrama pada waktu malam.
27. Berada dalam premis asrama selepas tengah malam.
28. Cermat pada menggunakan premis asrama dan larangan mengenai kacauganggu.
29. Pelajar tidak boleh berpindah bilik tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu.
30. Pelajar menetap hendaklah mengosongkan atau berpindah tempat tinggal apabila dikehendaki oleh Universiti.
31. Kuasa Pengetua untuk memberi perintah, suruhan atau arahan berkenaan dengan ketenteraman dan tatatertib.

### BAHAGIAN IV TATATERTIB LALULINTAS JALAN

32. Kebenaran bertulis bagi pelajar-pelajar yang menyimpan, memiliki atau mempunyai kereta motor di dalam Kampus.
33. Daftar kereta-kereta motor pelajar.
34. Had laju.
35. Kereta motor hendaklah dipandu hanya atas jalanan bagi kereta-kereta motor.
36. Memandu kereta di atas lorong, dsb., dilarang.
37. Meletak kereta secara menghalang.
38. Menggunakan ruang letak kereta yang diuntukkan.
39. Membonceng.
40. Arahan dan tanda lalulintas hendaklah dipatuhi.
41. Mengemukakan lesen memandu dan kad matrikulasi apabila diminta.
42. Halangan kepada aliran lalulintas.
43. Pemakaian Ordinan Lalulintas Jalan, 1958 dalam Kampus.
44. Hukuman tatatertib terus oleh pihakberkuasa tatatertib.

### BAHAGIAN V ACARA TATATERTIB

45. Hukuman tatatertib.
46. Hadir di hadapan pihakberkuasa tatatertib.
47. Akibat tidak hadir di hadapan pihakberkuasa tatatertib.
48. Fakta-fakta kesalahan tatatertib hendaklah dijelaskan dan pengakuhan hendaklah diambil.
49. Pengakuan bersalah dan acara yang berbangkit.
50. Acara bagi pembicaraan jika pelajar mengaku tidak bersalah.
51. Keterangan pelajar.

## TATATERTIB PELAJAR-PELAJAR

### Kaedah

52. Kuasa pihakberkuasa tata tertib menyolo atau memanggil semula saksi.
53. Mengumumkan keputusan.
54. Mengenakan hukuman.
55. Jagaan dan pelupusan exhibit.
56. Nota-nota bertulis mengenai pembicaraan tata tertib hendaklah dibuat.
57. Menyimpan nota.
58. Daftar pembicaraan tata tertib.
59. Laporan pembicaraan kepada ibubapa, Menteri, dsb.
60. Membayar denda.
61. Akibat tidak membayar denda.
62. Perintah membayar pampasan.
63. Orang-orang yang boleh hadir dalam pembicaraan tata tertib.

## BAHAGIAN VI RAYUAN-RAYUAN

64. Notis rayuan.
65. Menyampaikan rayuan kepada Menteri.
66. Tindakan Menteri terhadap rayuan.
67. Rayuan tidak berkuatkuasa sebagai menggantung pelaksanaan.

## BAHAGIAN VII AM

68. Tanggungan tata tertib pemegang jawatan dsb., pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar.
69. Anggapan.
70. Kesalahan-kesalahan tata tertib.
71. Kaedah-kaedah ini tidak mengurangkan tanggungan jenayah.

## TATATERTIB PELAJAR-PELAJAR

### AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI, 1971

Akta 30

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 16C Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971, Majlis Universiti bagi Universiti Malaya dengan ini membuat kaedah-kaedah yang berikut.

#### BAHAGIAN I PERMULAAN

Nama.

1. Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan Kaedah-kaedah Universiti Mala-ya (Tatatertib Pelajar-pelajar), 1975.

Tafsiran.

2. Dalam Kaedah-kaedah ini, melainkan jika kandungan ayatnya meng-hendaki makna yang lain—

“arahan lalulintas” ertiannya apa-apa perintah, arahan atau petunjuk yang diberi oleh seseorang berkuasa kepada mana-mana orang yang meng-gunakan jalan atau kereta di dalam Kampus;

“asrama” ertiannya apa-apa perumahan, baik apa pun dinamakan, yang disediakan oleh Universiti untuk kediaman pelajar-pelajar;

“Bilik tatatertib” ertiannya suatu bilik yang diuntukkan bagi maksud menjalankan pembicaraan tatatertib amnya atau bagi maksud pembicaraan tatatertib yang tertentu;

Ordinan  
P.T.M.  
30/52

“dadah” ertiannya apa-apa dadah atau benda yang pada masa itu disen-a-raikan dalam Jadual Pertama kepada Ordinan Dadah Berbahaya, 1952;

“guru” ertiannya mana-mana orang yang menjalankan sesuatu tugas akademik berhubung dengan menyampaikan pengetahuan pendidikan kepada pelajar-pelajar;

“judi” ertiannya bermain sesuatu permainan nasib, atau permainan kepadaan, atau permainan nasib campur kepadaan, untuk mendapatkan wang atau sesuatu yang boleh dinilai dengan wang, dan termasuklah pertaruhan atau apa-apa loteri;

“kakitangan” ertiannya mana-mana pekerja Universiti;

“kereta” ertiannya sesuatu binaan yang boleh bergerak atau digerakkan atau digunakan untuk membawa mana-mana orang atau benda dan yang menjiplak tanah bila bergerak;

“kereta motor” ertiannya segala jenis kereta yang didorong dengan cara pesawat yang terkandung di dalamnya sendiri dan dibina atau disesuaikan supaya boleh digunakan di atas jalan, dan termasuklah apa-apa kereta yang ditarik oleh suatu kereta motor sama ada atau tidak bahagian daripada kereta yang ditarik itu ditempatkan di atas kereta motor yang menariknya itu;

## TATATERTIB PELAJAR-PELAJAR

"kesalahan tatatertib" ertinya suatu kesalahan tatatertib di bawah Kaedah-kaedah ini;

"liquor" ertinya apa-apa liquor yang mempunyai sesuatu kekuatan alkohol;

"meletak kereta" ertinya memberhentikan sesuatu kereta untuk menunggu bagi sesuatu maksud, lain daripada maksud untuk mengambil atau menurunkan orang, barang-barang atau barang-barang penumpang;

"Orang berkuasa" ertinya mana-mana orang yang diberikuasa dengan sewajarnya untuk bertindak bagi pihak Universiti;

"pegawai" ertinya mana-mana orang yang menyandang sesuatu jawatan di Universiti atau dalam sesuatu badan yang mana adalah suatu pihakberkuasa Universiti, sama ada jawatan itu jawatan sukarela, atau untuk mendapat saraan, atau selainnya;

"pelajar berbiasiswa" termasuklah mana-mana pelajar yang sedang belajar dengan biasiswa, dermasiswa, pinjaman, tajaan, cuti bergaji atau tanpa bergaji atau dengan pemberian apa-apa kemudahan lain, daripada mana-mana Kerajaan, institusi, pihakberkuasa berkanun, organisasi perdagangan atau perniagaan atau lain-lain badan;

"pelajar menetap" ertinya seseorang pelajar yang menetap dalam sesuatu asrama;

"pembicaraan tatatertib" ertinya suatu pembicaraan tatatertib di bawah Kaedah-kaedah ini;

"Pengetua" ertinya ketua pegawai yang menjaga sesuatu asrama dan termasuklah Pemangku Pengetua;

"pihakberkuasa tatatertib" ertinya Timbalan Naib-Canselor atau, jika berkenaan, mana-mana orang atau lembaga yang diwakilkan oleh Timbalan Naib-Canselor dengan tugas-tugas, kuasa-kuasa atau kewajipan-kewajipan tatatertib di bawah seksyen-kecil (3) seksyen 16B Akta itu;

"racun" ertinya apa-apa benda yang dinyatakan namanya dalam ruangan satu dalam Senarai Racun dalam Ordinan Racun, 1952 dan termasuklah apa-apa sediaan, larutan, sebatian, campuran atau benda semulajadi yang mengandungi benda itu;

"tanda lalulintas" termasuklah apa-apa isyarat, tiang tanda amaran, tiang arahan, tanda atau alat yang didirikan atau diadakan di atas atau berhampiran dengan jalan untuk maklumat, panduan atau arahan orang-orang yang menggunakan jalan;

"Timbalan Naib-Canselor" ertinya Timbalan Naib-Canselor yang mana adalah pihakberkuasa tatatertib Universiti di bawah seksyen-kecil (1) seksyen 16B (1) Akta itu;

"Universiti" ertinya mana-mana orang atau kumpulan orang yang diberikuasa untuk bertindak bagi pihak Universiti.

Ordinan  
P.T.M.  
29/52

Akta 30

## TATATERTIB PELAJAR-PELAJAR

### BAHAGIAN II TATATERTIB AM

#### 3. Seseorang pelajar tidak boleh—

- (a) menjalankan urusannya, sama ada di dalam atau di luar Kampus, dengan apa-apa yang boleh merosakkan atau mendatangkan mudarat kepada kepentingan, kesentosaan atau nama baik Universiti, atau kepada kepentingan, kesentosaan atau nama baik mana-mana daripada pelajar, kakitangan, pegawai, atau pekerja Universiti, atau kepada ketenteraman atau keselamatan awam, atau moral, kesopanan atau tatatertib;
- (b) melanggar mana-mana peruntukan mana-mana undang-undang bertulis, sama ada di dalam atau di luar Kampus;
- (c) menggendalkan atau dengan apa-apa cara mengganggu, atau menyebabkan digendala atau dengan apa-apa cara' diganggu, apa-apa pengajaran, pengajian, penyelidikan, kerja tadbiran, atau apa-apa aktiviti yang dijalankan oleh atau di bawah arahan atau dengan kebenaran Universiti, atau melakukan sesuatu perbuatan yang boleh menyebabkan penggendalaan atau penggangguan itu;
- (d) menahan, menghalang atau mengganggu, atau menyebabkan ditahan, dihalang atau diganggu, mana-mana pegawai atau pekerja Universiti atau mana-mana orang yang bertindak di bawah arahan atau kebenaran pegawai atau pekerja itu, daripada menjalankan kerja, kewajipan atau tugasnya, atau melakukan sesuatu perbuatan yang boleh menyebabkan penahanan, penghalangan atau pengangguan itu;
- (e) menahan atau menghalang, atau menyebabkan ditahan atau dihalang, mana-mana pelajar daripada menghadiri sesuatu kuliah, tutorial atau kelas atau daripada mengambil bahagian dalam sesuatu perbuatan yang boleh menyebabkan penahanan atau penghalangan itu;
- (f) mengorganisasi, mengapikian atau menyertai pemboikotan sesuatu peperiksaan, kuliah, tutorial, kelas atau lain-lain aktiviti yang sah yang dijalankan oleh atau di bawah arahan atau dengan kebenaran Universiti;
- (g) merosakkan dengan apa-apa cara atau menyebabkan dirosakkan dengan apa-apa cara apa-apa harta di Universiti, atau melakukan sesuatu perbuatan yang boleh menyebabkan kerosakan itu;
- (h) mengusek, mengganggu, mengalih atau dengan apa-apa cara melakukan sesuatu ke atas apa-apa benda, objek, barang atau harta jua pun, atau dengan diketahuinya melakukan sesuatu perbuatan atau menyebabkan sesuatu perbuatan dilakukan di dalam Kampus dengan tujuan untuk menyebabkan atau yang mungkin menyebabkan sesuatu penghalangan, kesusahan, kegusaran, kerugian atau kerosakan kepada mana-mana orang;

Larangan-  
larangan am.

## TATATERTIB PELAJAR-PELAJAR

- (i) melanggar atau tidak mematuhi apa-apa arahan atau kehendak Pustakawan Universiti, seseorang ahli kakitangan perpustakaan atau lain-lain pekerja perpustakaan mengenai penggunaan perpustakaan, buku-bukunya dan lain-lain kemudahan di dalamnya.
- (j) membawa apa-apa buku, kertas, dokumen atau gambar, kecuali yang dibenarkan oleh pemeriksa, ke dalam atau ke luar dari sesuatu bilik peperiksaan, atau menerima apa-apa buku, kertas, dokumen atau gambar daripada mana-mana orang lain semasa di dalam bilik peperiksaan, kecuali seseorang pelajar boleh, semasa ia berada dalam bilik peperiksaan itu, menerima daripada penyelia apa-apa buku, kertas, dokumen, gambar atau lain-lain benda yang dibenarkan oleh Naib-Canselor atas syor pemeriksa-pemeriksa atau Lembaga Pemeriksa;
- (k) berhubung dengan mana-mana pelajar lain dalam masa peperiksaan dengan apa-apa cara juga pun.
4. Jika seseorang pelajar dikehendaki menghadiri sesuatu kuliah, tutorial, kelas atau lain-lain pengajaran berhubung dengan kursus pengajiannya, ia mestilah menghadirinya melainkan jika ia mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Dekan Fakulti, ketua Sekolah, atau ketua Yayasan, mengikut mana yang berkenaan, dan melainkan jika hal-keadaan tidak mengizinkan ia untuk mendapatkan kebenaran itu dan ada sebab atau alasan yang menasabah kerana tidak hadir itu, dan dalam hal yang demikian pelajar itu mestilah, dengan seberapa segera yang boleh kemudiannya, memberitahu kepada Dekan atau ketua itu, mengikut mana yang berkenaan, sebab-sebab yang memuaskan mengapa ia tidak hadir itu dan mestilah mendapat kelulusan berkenaan dengannya.
5. Jika kursus pengajian seseorang pelajar memerlukan ia masuk sesuatu peperiksaan dan ianya tidak tersekut daripada masuk peperiksaan itu, maka ia mestilah masuk peperiksaan itu melainkan jika ia mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Dekan Fakulti, atau ketua Sekolah, atau ketua Yayasan, mengikut mana yang berkenaan, dan melainkan jika hal-keadaan tidak mengizinkan ia untuk mendapatkan kebenaran itu dan ada sebab atau alasan yang menasabah kerana tidak masuk peperiksaan itu, dan dalam hal yang demikian pelajar itu mestilah, dengan seberapa segera yang boleh kemudiannya, memberitahu kepada Dekan atau ketua itu, mengikut mana yang berkenaan, sebab-sebab yang memuaskan mengapa ia tidak masuk peperiksaan itu dan mestilah mendapat kelulusan berkenaan dengannya.
6. (1) Tertakluk kepada perenggan (2), seseorang pelajar tidak boleh menggunakan teks bagi sesuatu kuliah atau pengajaran yang disampaikan kepadanya di Universiti kecuali bagi maksud mengikuti kursus pengajiannya; khususnya, ia tidak boleh menyalin dengan apa-apa cara kesemua atau mana-mana bahagian daripada teks itu bagi maksud penerbitan, pembahagian atau pengedaran sama ada untuk mendapatkan bayaran atau tidak.

Menghadiri  
kuliah.

Masuk  
peperiksaan.

Sekatan  
mengenai  
penggunaan  
teks kuliah.

## TATATERTIB PELAJAR-PELAJAR

(2) Tiada apa-apa juu pun dalam kaedah itu boleh disifatkan sebagai menyekat budibicara Naib-Canselor untuk membenarkan seseorang pelajar, atau sesuatu pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar, membuat salinan-salinan teks sesuatu kuliah atau pengajaran di bawah kawalan dan arahan Naib-Canselor, atau Dekan, ketua Sekolah atau ketua Yayasan, sebagaimana yang dibenarkan oleh Naib-Canselor, dan pada memberi kebenaran itu Naib-Canselor boleh mengenakan apa-apa had dan syarat yang difikirkannya perlu atau sesuai.

7. (1) Tiada seseorang pelajar dan tiada sesuatu pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar boleh mengadakan, mengorganisasi, memanggil berhimpun atau memanggil atau menyebabkan diadakan, diorganisasi, dipanggil berhimpun atau dipanggil atau dengan apa-apa cara terlibat dalam mengadakan, mengorganisasi, memanggil berhimpun atau memanggil atau dalam menyebabkan diadakan, diorganisasi, dipanggil berhimpun atau dipanggil atau dalam melakukan sesuatu perbuatan untuk mengadakan, mengorganisasi, memanggil berhimpun, atau memanggil sesuatu perhimpunan seramai lebih daripada lima orang di mana-mana bahagian Kampus atau atas mana-mana tanah atau dalam mana-mana bangunan yang dippunyai oleh atau yang ada di bawah milik atau kawalan Universiti atau yang digunakan untuk maksud-maksud Universiti tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran Naib-Canselor atau seseorang yang diberikuasa secara bertulis oleh Naib-Canselor untuk memberi kebenaran itu.

Meng-  
organisasi,  
dsb.  
perhimpunan-  
perhimpunan.

(2) Pada memberi kebenaran yang tersebut dalam perenggan (1) Naib-Canselor atau orang yang diberikuasa olehnya untuk memberi kebenaran itu boleh mengenakan apa-apa sekatan, had atau syarat yang difikirkannya perlu atau sesuai berhubung dengan perhimpunan yang dicadangkan itu.

(3) Tiada seseorang pelajar boleh dengan diketahuinya menghadiri atau menyertai sesuatu perhimpunan yang diadakan bersalahan dengan perenggan (1) atau (2).

8. Tiada seseorang pelajar dan tiada sesuatu pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar boleh mempunyai, atau mengguna, atau pada dalam milik, jagaan atau kawalannya, sesuatu pembesarsuara, pelaung, penguatsuara atau lain-lain alat yang seumpamanya:

Mempunyai,  
memiliki dan  
menggunakan  
pembesar-  
suara-pem-  
besarsuara,  
dsb.

Dengan syarat bahawa Naib-Canselor, atau seseorang yang diberikuasa olehnya secara bertulis, boleh membenarkan secara bertulis, sesuatu alat untuk dippunyai, digunakan atau dimiliki oleh seseorang pelajar atau sesuatu pertubuhan pelajar-pelajar untuk apa-apa maksud dan tertakluk kepada apa-apa sekatan, had atau syarat sebagaimana yang difikirkan oleh Naib-Canselor atau orang diberikuasa olehnya sebagaimana tersebut di atas perlu atau sesuai dikenakan pada memberi kebenaran itu.

9. Tiada seseorang pelajar dan tiada sesuatu pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar boleh-

- (a) membuat atau menyebabkan dibuat atau melakukan sesuatu perbuatan untuk membuat atau menyebabkan dibuat; atau

Membuat,  
mengguna,  
menunjukkan,  
mempunyai  
dsb.,panji-  
panji,  
plakad-plakad,  
dsb.

## TATATERTIB PELAJAR-PELAJAR

(b) mengibir, mempamir, menunjukkan atau dengan apa-apa cara menggunakan, atau menyebabkan dikibar, dipamir, ditunjukkan atau dengan apa-apa cara menggunakan; atau

(c) mempunyai atau ada dalam milik, jagaan atau kawalannya;

sesuatu bendera, panji-panji, plakad, poster, lambang atau lain-lain alat yang boleh menggalakkan perbuatan-perbuatan melanggar tatatertib, kekacauan, keengkaran atau perlenggaran terhadap Kedah-kaedah ini.

**Menerbitkan  
dsb.,  
dokumen-  
dokumen  
dilerang.**

10. (1) Tiada seseorang pelajar dan tiada sesuatu pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar boleh menerbitkan, membahagi-bahagi atau mengedarkan apa-apa dokumen di dalam atau di luar Kampus:

Dengan syarat bahawa Naib-Canselor, atau seseorang yang diberikuasa olehnya secara bertulis, boleh membenarkan secara bertulis sesuatu dokumen tertentu diterbitkan, dibahagi-bahagikan atau diedarkan untuk apa-apa maksud dan tertakluk kepada apa-apa sekatan, had atau syarat yang difikirkan oleh Naib-Canselor atau orang yang diberikuasa olehnya sebagaimana tersebut di atas perlu atau sesuai dikenakan pada memberi kebenaran itu.

(2) Kebenaran yang dikehendaki di bawah kaedah ini adalah tambahan kepada apa-apa lesen, permit atau lain-lain bentuk kebenaran yang mungkin dikehendaki di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain.

**Aktiviti-  
aktiviti  
pelajar di  
luar Kampus.**

11. Tiada seseorang pelajar dan tiada sesuatu pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar boleh mengorganisasi, menjalankan atau menyertai sesuatu aktiviti di luar Kampus, kecuali dengan mendapat kebenaran bertulis Naib-Canselor terlebih dahulu dan dengan mematuhi dengan sewajarnya apa-apa sekatan, had atau syarat yang difikirkan oleh Naib-Canselor perlu atau sesuai dikenakan:

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa juia dalam kaedah ini boleh disifatkan sebagai menahan seseorang pelajar dari aktiviti yang semata-mata berupa personal atau persendirian.

**Pelajar  
mengambil  
bahagian  
dalam  
pekerjaan  
dsb.**

12. Tiada seseorang pelajar boleh, di dalam atau di luar Kampus, mengambil bahagian dalam apa-apa pekerjaan, pengajian, perniagaan, perdagangan atau lain-lain aktiviti, sama ada penuhmasa atau sambilan, yang pada pendapat Naib-Canselor adalah tidak diingini.

**Rayuan-  
rayuan  
berhubung  
dengan  
Universiti  
dsb.**

13. Tiada seseorang pelajar dan tiada sesuatu pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar boleh membuat apa-apa rayuan atau apa-apa perhubungan lain, sama ada secara lisian atau secara bertulis atau dengan apa-apa cara lain, kepada seseorang pegawai awam atau kepada akhbar atau kepada orangramai dalam masa sesuatu syarahan, ucapan atau pernyataan awam atau dalam masa sesuatu penyiaran dengan suara atau gambar berhubung dengan sesuatu perkara berkaitan dengan Universiti atau dengan kakitangan atau pelajar-pelajar-nya atas sifat mereka sebagai demikian, atau berkaitan dengan dirinya atas sifatnya sebagai seorang pelajar Universiti itu.

## TATATERTIB PELAJAR-PELAJAR

14. Tiada seseorang pelajar dan tiada sesuatu pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar boleh membuat apa-apa bantahan sama ada secara lisan atau secara bertulis atau dengan apa-apa cara lain terhadap kemasukan seseorang, sesuatu badan atau kumpulan orang ke dalam Kampus atau terhadap kehadiran orang, badan atau kumpulan itu dalam Kampus atau terhadap pengeklusian atau penyingkiran orang, badan atau kumpulan itu dari Kampus.

Bantahan pelajar terhadap kemasukan, pengeklusian dsb., orang-orang daripada Kampus.

15. Tiada seseorang pelajar dan tiada sesuatu pertubuhan badan atau kumpulan pelajar boleh mengorganisasi, mengurus, menjalankan atau membantu dalam mengorganisasi, mengurus atau menjalankan, atau menyertai, apa-apa judi, pertaruhan atau loteri dalam Kampus:

Judi dalam Kampus.

Dengan syarat bahawa larangan di atas tidak boleh dipakai berhubung dengan apa-apa judi, pertaruhan atau loteri dalam Kampus yang diorganisasikan, diurus atau dijalankan oleh Universiti dengan kebenaran diberi oleh pihakberkuasa berkenaan mengikut peruntukan-peruntukan mana-mana undang-undang bertulis.

P.U.(A) 184

16. Seseorang pelajar yang didapati dalam keadaan mabuk di dalam Kampus akibat dari meminum liquor adalah bersalah atas sesuatu kesalahan tatatertib.

Mabuk.

17. (1) Tiada seseorang pelajar boleh ada dalam miliknya atau di bawah jagaan atau kawalannya apa-apa bahan lucah di dalam Kampus.

Bahan-bahan lucah.

(2) Tiada seseorang pelajar dan tiada sesuatu pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar boleh membahagi-bahagi, mengedar atau mempamirkan, atau menyebab dibahagi-bahagi, diedar atau dipamirkan atau dengan apa-apa cara mengambil bahagian dalam membahagi-bahagi, mengedar atau mempamir, apa-apa bahan lucah di dalam Kampus, seseorang pelajar hendaklah disifatkan sebagai membahagi-bahagi mengedar atau mempamirkan sesuatu bahan lucah, tidak kira sama ada pembahagian, pengedaran atau pemamiran itu adalah kepada satu orang sahaja atau lebih daripada satu orang dan tidak kira sama ada atau tidak pembahagian, pengedaran atau pemamiran itu adalah untuk mendapat bayaran atau apa-apa balasan lain.

(3) Tiada seseorang pelajar boleh dengan sengaja melihat atau mendengar apa-apa bahan lucah di dalam Kampus.

18. (1) Tiada seseorang pelajar boleh ada dalam miliknya atau di bawah jagaan atau kawalannya apa-apa dadah atau racun.

Dadah dan racun.

(2) Tiada seseorang pelajar boleh memberi, membekal, mengada atau menawarkan atau bercadang hendak memberi, membekal, mengada atau menawarkan apa-apa dadah atau racun kepada mana-mana orang.

(3) Tiada seorang pelajar boleh memakan atau meminum atau menghisap atau menyedut, atau memasukkan ke dalam badannya dengan jalan suntikan atau dengan apa-apa juu cara lain, apa-apa dadah atau racun.

### TATATERTIB PELAJAR-PELAJAR

(4) Tiada apa-apa jua dalam kaedah ini boleh disifatkan sebagai melarang seseorang pelajar daripada menjalani apa-apa rawatan oleh atau di bawah tentubatan pengamal perubatan yang berdaftar di bawah Akta Perubatan, 1971.

Akta 50

(5) Seseorang pelajar yang didapati dalam keadaan pengaruh apa-apa dadah atau racun adalah bersalah atas suatu kesalahan tatatertib.

Kebersihan  
di dalam  
Kampus.

19. Seseorang pelajar tidak boleh melakukan sesuatu yang boleh menjadikan kebersihan dan kekemasan tempat tinggal seseorang pelajar di dalam Kampus atau kebersihan dan kekemasan mana-mana asrama, dewan kuliah, jalan, kawasan atau kebersihan dan kekemasan mana-mana lain bahagian Kampus atau kebersihan dan kekemasan mana-mana bangunan atau binaan lain di dalam Kampus.

Membuat  
bising yang  
menggusarkan  
atau meng-  
ganggu.

20. Seseorang pelajar tidak boleh membuat apa-apa bunyi atau bising, atau menyebabkan diterbitkan apa-apa bunyi atau bising, dengan apa-apa jalan atau dengan apa-apa cara, jika bunyi atau bising itu menyebabkan atau mungkin menyebabkan kegusaran atau gangguan kepada mana-mana orang itu di dalam Kampus.

Tempat  
tinggal atau  
tempat tidur  
di Kampus.

21. Tiada seseorang pelajar boleh menggunakan atau menyebab digunakan mana-mana bahagian Kampus atau mana-mana bahagian daripada mana-mana bangunan di dalam Kampus sebagai tempat tinggal atau tempat tidur, kecuali tempat yang disediakan baginya dalam asrama oleh Universiti.

Memasuki  
bahagian-  
bahagian  
larangan  
Kampus atau  
bangunan-  
bangunan.

22. Seseorang pelajar tidak boleh memasuki mana-mana bahagian Kampus atau mana-mana bahagian daripada mana-mana bangunan di dalam Kampus jika pelajar-pelajar amnya atau pelajar atau golongan pelajar-pelajar yang berkenaan khususnya adalah dilarang masuk ke dalamnya.

Keengkaran.

23. Jika seseorang pelajar tidak mematuhi atau melanggar sesuatu arahan atau kehendak yang sah yang diberi atau dibuat oleh mana-mana pegawai atau pekerja Universiti yang diberikuasa untuk memberi atau membuatnya dalam Kampus maka pelajar itu adalah bersalah atas suatu kesalahan tatatertib.

### BAHAGIAN III TATATERTIB ASRAMA

Memasuki  
atau berada  
dalam bilik  
pelajar  
menetap.

24. (1) Tiada seseorang boleh memasuki atau berada dalam bilik yang diduduki oleh seseorang pelajar menetap kecuali pelajar menetap itu sendiri:

Dengan syarat bahawa perenggan ini tidaklah dipakai bagi seseorang pegawai, pekerja atau ejen Universiti yang memasuki bilik itu bagi maksud menjalankan tugas, kewajipan atau tanggungjawabnya, atau bagi seseorang yang memasukinya atau berada di dalamnya mengikut sesuatu kebenaran yang diberi oleh atau bagi pihak Pengetua:

## TATATERTIB PELAJAR-PELAJAR

Dan selanjutnya dengan syarat bahawa perenggan ini tidak boleh disifatkan sebagai melarang seseorang pelajar daripada memasuki bilik seseorang pelajar menetap dari jantina yang sama untuk lawatan bagi maksud sosial yang biasa.

(2) Adalah menjadi kewajipan dan tanggungjawab seseorang pelajar menetap mempastikan supaya sekatan-sekatan dalam perenggan (1) dipatuhi dengan semestinya berkenaan dengan bilik yang diduduki olehnya itu.

25. Seseorang pelajar menetap tidak boleh melakukan sesuatu untuk menghalang, merintang atau menahan seseorang pegawai, pekerja atau ejen Universiti daripada memasuki bilik pelajar menetap itu dan menjalankan tugas-tugas, kewajipan-kewajipan atau tanggungjawab-tanggungjawabnya di dalam bilik itu.

Menghalang  
d sb.  
pegawai-  
pegawai dsb.,  
daripada  
masuk dan  
menjalankan  
tugas-tugas.

26. Seseorang pelajar menetap, selepas tengah malam, tidak boleh berada di luar asrama kecuali dengan kebenaran yang diberi oleh atau bagi pihak Pengetua.

Berada di  
luar asrama  
pada waktu  
malam.

27. Selepas tengah malam, kecuali pelajar-pelajar menetap dalam asrama mereka masing-masing, tiada seseorang pelajar lain boleh berada dalam premis asrama kecuali dengan kebenaran yang diberi oleh atau bagi pihak Pengetua.

Berada  
dalam premis  
asrama  
selepas tengah  
malam.

28. (1) Seseorang pelajar hendaklah menggunakan premis asrama dengan cermat yang sewajar dan tidak boleh melakukan sesuatu yang mencacatkan, mengotorkan atau menyebabkan apa-apa kerosakan lain kepada mana-mana bahagian kawasan atau bangunan atau kepada apa-apa benda atau lekapan di dalamnya.

Cermat pada  
menggunakan  
premis asrama  
dan larangan  
mengenai  
kacauganggu.

(2) Dalam menggunakan premis asrama dan kemudahan-kemudahan di dalamnya seseorang pelajar hendaklah berhemat cermat bagi memastikan supaya ia tidak dengan demikian itu menyebabkan apa-apa kesusahan, kegusaran, halangan atau kacauganggu kepada mana-mana orang lain.

29. Jika seseorang pelajar diuntukkan sebuah bilik untuk tinggal oleh Universiti, ia tidak boleh berpindah ke mana-mana bilik lain tanpa mendapat kebenaran secara bertulis terlebih dahulu yang diberi oleh atau bagi pihak Pengetua.

Pelajar tidak  
boleh  
berpindah  
bilik tanpa  
mendapat  
kebenaran  
terlebih  
dahulu.

30. (1) Seseorang pelajar menetap tinggal disesuatu asrama mengikut bu-dibicara dan kesukaan mutlak Universiti.

Pelajar  
menetap  
hendaklah  
mengosong-  
kan atau  
berpindah  
tempat tinggal  
apabila di-  
kehendaki  
oleh  
universiti.

(2) Universiti boleh menghendaki seseorang pelajar menetap mengosongkan tempat tinggalnya atau berpindah ke tempat tinggal lain yang disediakan oleh Universiti pada bila-bila masa tanpa memberi apa-apa sebab.

(3) Jika seseorang pelajar menetap dikehendaki di bawah perenggan (2) mengosongkan atau berpindah dari tempat tinggalnya, ia hendaklah berbuat demikian dalam tempoh yang ditetapkan oleh Universiti dan hendaklah dalam tempoh itu mengeluarkan semua barang kepunyaannya daripada tempat tinggal yang ia dikehendaki mengosongkan atau dari mana ia dikehendaki berpindah itu.

## TATATERTIB PELAJAR-PELAJAR

Kuasa  
Pengetua  
untuk  
memberi  
perintah,  
suruhan atau  
arahan atau  
berkenaan  
dengan  
ketenteraman  
dan  
tatatertib.

31. Pengetua atau mana-mana orang lain yang diberikuasa olehnya boleh, dari semasa ke semasa, memberi, secara lisan atau bertulis, apa-apa perintah, suruhan atau arahan yang difikirkannya perlu atau sesuai untuk memelihara ketenteraman dan tatatertib dalam asrama, dan perintah, suruhan atau arahan itu boleh pada amnya mengenai semua pelajar atau sesuatu golongan atau jenis pelajar atau seseorang pelajar tertentu, dan adalah menjadi kewajipan tiap-tiap pelajar yang mengenainya perintah, suruhan atau arahan itu diberi mematuhi dan melaksanakkanya.

## BAHAGIAN IV TATATERTIB LALULINTAS JALAN

Kebenaran  
bertulis bagi  
pelajar-  
pelajar yang  
menyimpan,  
memiliki atau  
mempunyai  
kereta motor  
di dalam  
Kampus.

32. (1) Seseorang pelajar yang bercadang hendak menyimpan, memiliki atau mempunyai apa-apa kereta motor di dalam Kampus hendaklah, pertamanya, memohon kepada Timbalan Naib-Canselor dan mendapatkan daripadanya suatu kebenaran bertulis berkenaan dengannya; permohonan dan kebenaran bertulis itu hendaklah dalam borang sebagaimana yang ditetapkan oleh Timbalan Naib-Canselor, tertakluk kepada perenggan (2).

(2) Permohonan untuk kebenaran itu hendaklah dibuat oleh pelajar itu secara bertulis menyatakan jenis kereta motor itu dan hendaklah disertai dengan lesen kereta motor itu yang berkuatkuasa pada masa itu dan polisi insuran pihak ketiga yang berkuatkuasa pada masa itu berkenaan dengan kereta motor itu dan suatu lesen memandu yang sah berkenaan dengan pemohon itu; permohonan itu hendaklah juga menyatakan apa-apa kesalahan tata tertib yang ia telah didapati bersal乎 atasnya pada bila-bila masa.

(3) Kebenaran bertulis Timbalan Naib-Canselor itu hendaklah diberi dalam borang sebagaimana yang diarahkannya dan hendaklah sentiasa dipamerkan pada kereta motor itu supaya mudah dilihat.

(4) Kebenaran bertulis itu hendaklah dibaharu pada tiap-tiap tahun dan peruntukan-peruntukan perenggan (1) dan (2) hendaklah dipakai *mutatis mutandis* bagi sesuatu permohonan untuk membaharu kebenaran bertulis itu.

(5) Timbalan Naib-Canselor boleh enggan memberi kebenaran di bawah kaedah ini atau boleh membatalkan apa-apa kebenaran yang telah diberi di bawah kaedah ini jika ia puas hati bahawa adalah berlawanan dengan kepentingan Universiti bagi pelajar itu memegang kebenaran itu.

Daftar  
kereta-kereta  
motor pelajar.

33. Timbalan Naib-Canselor hendaklah mengarahkan supaya suatu daftar disenggara bagi semua kereta motor yang disimpan, dimiliki atau dipunyai oleh pelajar-pelajar dalam Kampus mengikut bentuk yang difikirkan patut oleh Timbalan Naib-Canselor.

Had laju.

34. Tiada seseorang pelajar boleh memandu sebuah kereta motor dalam Kampus selaju lebih daripada laju yang ditunjukkan oleh tanda lalulintas.

## TATATERTIB PELAJAR-PELAJAR

35. Tiada seseorang pelajar boleh memandu sesebuah kereta motor di mana-mana tempat melainkan di bahagian jalan yang digunakan sebagai jalananlu bagi kereta-kereta motor; khususnya, tiada sesebuah kereta motor boleh dipandu oleh seseorang pelajar di atas siarkaki berturap, bahu jalan, tepi rumput, lorongkaki atau lain-lain tempat, sama ada di sisi jalananlu bagi kereta-kereta motor atau selainnya, yang biasanya tidak dimaksudkan atau tidak disediakan khas untuk jalananlu bagi kereta-kereta motor.
- Kereta motor hendaklah dipandu hanya atas jalan-lalu bagi kereta-kereta motor.
36. Tiada seseorang pelajar boleh memandu sesebuah kereta di atas koridor, beranda, kakilima, halaman berkepung atau di mana-mana bahagian daripada mana-mana bangunan.
- Memandu kereta atas lorong dsb., dilarang.
37. Tiada seseorang pelajar boleh meletak apa-apa kereta di mana-mana tempat dengan apa-apa cara yang menyebabkan bahaya, halangan atau kesusahan kepada mana-mana orang atau kereta lain.
- Meletak kereta secara menghalang.
38. Jika sesuatu ruang letak kereta diuntukkan bagi sesebuah kereta motor tertentu, tiada seseorang pelajar boleh meletak sesebuah kereta motor yang lain dalam ruang letak kereta itu.
- Menggunakan ruang letak kereta yang diuntukkan.
39. (1) Seseorang pelajar yang memandu motosikal beroda dua tidak boleh membawa lebih daripada seorang di atas motosikal itu.
- Memborong.
- (2) Tiada seseorang pelajar boleh membawa seseorang di atas motosikal beroda dua melainkan jika orang itu duduk tercelapak di belakang pemandu itu atas suatu tempat duduk yang direkabentuk dengan sempurna yang dipasang kepada motosikal itu dengan kokoh.
- (3) Seseorang pelajar tidak boleh membenarkan dirinya dibawa di atas motosikal beroda dua yang dipandu oleh seseorang, sama ada seorang pelajar atau bukan, bersalahan dengan perenggan (1) atau (2).
40. Seseorang pelajar, hendaklah mematuhi semua arahan lalulintas dan semua tanda lalulintas.
- Arahan dan tanda lalu-lintas hendaklah dipatuhi.
41. Mana-mana pelajar yang memandu atau menjaga atau mengawal sesebuah kereta hendaklah membawa bersamanya suatu lesen merandu yang masih sah yang dikeluarkan kepadanya di bawah Ordinan Lalulintas Jalan, 1958 dan juga kad matrikulasi dan hendaklah mengemukakannya untuk diperiksa oleh seseorang berkuasa apabila jua dikehendaki berbuat demikian.
- Mengemukakan lesen merandu dan kad matrikulasi apabila diminta.
- Ordinan P.T.M. 49/58
42. Seseorang pelajar tidak boleh berkelakuan dengan apa-apa cara atau melakukan apa-apa perbuatan menghalang atau mengganggu perjalanan lalulintas yang licin dan teratur di dalam Kampus.
- Halangan kepada aliran lalulintas.
43. (1) Peruntukan-peruntukan Ordinan Lalulintas Jalan, 1958 dan semua perundungan kecil yang dibuat di bawahnya hendaklah dipakai bagi pelajar-pelajar di dalam Kampus seolah-olah jalan-jalan di dalam Kampus adalah jalan awam dalam Wilayah Persekutuan dan kesalahan-kesalahan di bawah Ordinan tersebut dan perundungan kecil yang dibuat di bawahnya itu adalah kesalahan tatatertib berhubung dengan pelajar-pelajar dan boleh dikenakan
- Pernakian Ordinan Lalulintas Jalan, 1958 dalam Kampus.
- Ordinan P.T.M. 49/58

## TATATERTIB PELAJAR-PELAJAR

hukuman sebagai kesalahan-kesalahan tatatertib, dan oleh yang demikian tiap-tiap pelajar hendaklah mematuhi peruntukan-peruntukan itu di dalam Kampus.

(2) Tiada apa-apa juar dalam perenggan (1) boleh mengurangkan tanggungan mana-mana pelajar atau orang lain di dalam Kampus kerana apa-apa kesalahan di bawah Ordinan Lalulintas Jalan, 1958 atau apa-apa perundangan kecil yang dibuat di bawahnya.

Hukuman  
tatatertib  
terus oleh  
pihakberkuasa  
tatatertib.

44. (1) Pihakberkuasa tatatertib boleh, menurut budibacaranya, sebagai ganti mengambil tindakan tatatertib di bawah Bahagian V, mengenakan hukuman tatatertib terus, iaitu amaran atau denda tidak lebih daripada dua puluh lima ringgit ke atas mana-mana pelajar yang melakukan suatu kesalahan tatatertib di bawah Bahagian ini di hadapan atau dalam penglihatan pihakberkuasa tatatertib itu:

Dengan syarat bahawa sebelum hukuman itu dikenakan ke atas pelajar itu, pihakberkuasa tatatertib itu hendaklah memberitahu kepada dia tentang kesalahan tatatertib yang telah dilakukan olehnya dan memberi ia peluang untuk membuat rayuan lisan berkenaan dengannya, di situ juga, kepada pihakberkuasa tatatertib itu.

(2) Setelah mengenakan hukuman yang tersebut dalam perenggan (1), pihakberkuasa tatatertib hendaklah dengan serta-merta menyerahkan kepada pelajar itu suatu notis bertulis mengenai hukuman yang dikenakan itu dalam sesuatu borang mengikut sebagaimana yang diarahkan oleh Timbalan Naib-Canselor, dan jika hukuman yang dikenakan itu adalah denda, peruntukan-peruntukan kaedah-kaedah 60 dan 61 hendaklah dipakai.

(3) Peruntukan-peruntukan kaedah ini hendaklah dipakai walau apa pun peruntukan lain yang berlawanan dengannya dalam Kaedah-kaedah ini.

## BAHAGIAN V ACARA TATATERTIB

Hukuman  
tatatertib.

45. Seseorang pelajar yang didapati bersalah atas sesuatu kesalahan tatatertib boleh dikenakan mana-mana satu atau mana-mana dua atau lebih hukuman-hukuman yang sesuai disatukan sekali daripada hukuman-hukuman yang berikut:

- (a) amaran;
- (b) denda tidak lebih daripada dua ratus ringgit;
- (c) pengantungan daripada mana-mana atau kesemua kemudahan-kemudahan Universiti selama tempoh yang ditentukan;
- (d) pengeklusian daripada mana-mana bahagian Universiti selama tempoh yang ditentukan;
- (e) penyingkiran daripada Universiti.

## TATATERTIB PELAJAR-PELAJAR

- Hadir di hadapan pihakberkuasa tatatertib.
- Akibat tidak hadir di hadapan pihakberkuasa tatatertib.
- Fakta-fakta kesalahan tatatertib hendaklah dijelaskan dan pengakuan hendaklah diambil.
- Pengakuan bersalah dan acara yang berbangkit.
- Acara bagi pembicaraan jika pelajar mengaku tidak bersalah.
- Keterangan pelajar.
- Kuasa pihakberkuasa tatatertib menyatakan atau memanggil semula saksi.
- Mengumumkan keputusan.
46. Jika pada pendapat pihakberkuasa tatatertib seseorang pelajar telah melakukan suatu kesalahan tatatertib, pihakberkuasa tatatertib hendaklah, sama ada secara lisan atau secara bertulis, menghendaki pelajar itu hadir di hadapannya di sesuatu bilik tatatertib, pada sesuatu tarikh dan pada sesuatu masa sebagaimana yang ditentukan oleh pihakberkuasa tatatertib itu.
47. Jika seseorang pelajar tidak hadir di hadapan pihakberkuasa tatatertib mengikut kehendak di bawah keadah 46, ia hendaklah serta-merta berkaitan dengan itu digantung daripada menjadi pelajar Universiti dan ia tidak boleh selepas daripada itu berada dalam Kampus atau masuk ke dalamnya; penggantungan itu hendaklah berterusan sehingga pelajar menawar untuk hadir di hadapan pihakberkuasa tatatertib dan ada, sebenarnya, hadir di hadapan pihakberkuasa tatatertib pada tarikh dan pada masa yang ditentukan oleh pihakberkuasa tatatertib selepas pelajar itu telah menawarkan untuk hadir di hadapan pihakberkuasa tatatertib.
48. Dalam pembicaraan tatatertib di dalam bilik tatatertib, pihakberkuasa tatatertib hendaklah menjelaskan kepada pelajar itu fakta-fakta mengenai kesalahan tatatertib yang dikatakan telah dilakukan oleh pelajar itu dan meminta ia membuat pengakuan atas kesalahan itu.
49. Jika pelajar itu mengaku bersalah, pihakberkuasa tatatertib hendaklah menjelaskan fakta-fakta kes itu kepadanya; jika ia mengakui fakta-fakta itu pihakberkuasa tatatertib hendaklah mengumumkan ia bersalah atas kesalahan tatatertib itu dan meminta ia membuat apa-apa rayuan yang hendak dibuat olehnya untuk mendapat hukuman ringan.
50. Jika pelajar itu mengaku tidak bersalah atas kesalahan tatatertib atau tidak atau enggan membuat pengakuan atau tidak mengaku fakta-fakta kes itu, pihakberkuasa tatatertib hendaklah memeriksa mana-mana saksi atau apa-apa dokumen atau apa-apa jua benda lain bagi menyokong kes itu terhadap pelajar itu; pelajar itu hendaklah diminta menyatakan saksi itu dan memeriksa dokumen atau benda itu dan pihakberkuasa tatatertib boleh memeriksa semula saksi itu.
51. Selepas keterangan yang tersebut dalam kaedah 50 diterima, pelajar itu hendaklah diminta memberi keterangannya, memanggil mana-mana saksi atau mengemukakan apa-apa dokumen atau apa-apa jua benda lain untuk pembelaannya; pihakberkuasa tatatertib boleh menyatakan pelajar itu atau mana-mana daripada saksi-saksinya, dan memeriksa mana-mana dokumen atau benda itu, dan pelajar itu boleh memeriksa semula mana-mana daripada saksi-saksinya itu.
52. Pihakberkuasa tatatertib boleh menyatakan atau memanggil semula mana-mana saksi pada bila-bila masa sebelum ia mengumumkan keputusannya.
53. Selepas mendengar saksi-saksi itu dan memeriksa dokumen-dokumen atau lain-lain benda yang dikemukakan di hadapannya, pihakberkuasa tatatertib hendaklah mengumumkan keputusannya dalam kes itu, dan jika ia memutuskan bahawa pelajar itu adalah bersalah atas kesalahan tatatertib itu ia hendaklah meminta pelajar itu membuat apa-apa rayuan yang hendak dibuat olehnya untuk mendapat hukuman ringan.

## TATATERTIE PELAJAR-PELAJAR

54. Selepas pelajar itu membuat rayaannya untuk mendapat hukuman ringan, jika ada, di bawah kaedah 49 atau 53, mengikut mana yang berkenaan, pihakberkuasa tatatertib hendaklah mengenakan ke atas pelajar itu satu daripada hukuman-hukuman yang dinyatakan dalam kaedah 45, atau mana-mana dua atau lebih hukuman-hukuman itu yang sesuai disatukan sekali.

Mengenakan hukuman.

55. (1) Pihakberkuasa tatatertib boleh memerintahkan apa-apa dokumen atau apa-apa jua benda lain yang dikemukakan di hadapannya semasa menjalankan mana-mana pembicaraan tatatertib supaya disimpan dalam jagaannya atau dalam jagaan orang yang ditentukan oleh pihakberkuasa tatatertib itu sementara menanti tamatnya pembicaraan tatatertib itu.

Jagaan dan pelupusan exhibit.

(2) Pihakberkuasa tatatertib hendaklah, apabila tamat pembicaraan tatatertib di hadapannya, membuat apa-apa perintah sebagaimana yang difikirkannya patut untuk melupuskan apa-apa dokumen atau apa-apa jua benda lain yang dikemukakan di hadapannya semasa menjalankan pembicaraan tatatertib, dan boleh mengarahkan supaya perintah itu hendaklah berkait-kuasa sama ada serta-merta atau pada suatu masa yang ditentukan olehnya.

(3) Kuasa pihakberkuasa tatatertib di bawah perenggan (2) adalah termasuk kuasa untuk memerintah supaya mana-mana dokumen atau benda itu dibinasakan, atau dilucutkan kepada Universiti.

56. Pihakberkuasa tatatertib yang mengambil tindakan tatatertib terhadap seseorang pelajar di bawah kaedah 46 hingga 55, termasuk kedua-duanya, hendaklah membuat atau mengarahkan dibuat nota-nota bertulis mengenai pembicaraan itu, tetapi nota-nota itu tidak perlu dibuat sepatuh demi sepatuh.

Nota-nota bertulis mengenai pembicaraan tatatertib hendaklah dibuat..

57. Nota-nota yang tersebut dalam kaedah 56 hendaklah disimpan dalam jagaan Timbalan Naib-Canselor.

Menyimpan nota.

58. Timbalan Naib-Canselor hendaklah menyenggara suatu daftar bagi semua pembicaraan tatatertib yang dijalankan di bawah Kaedah-kaedah ini; daftar itu hendaklah merekodkan nama pelajar, butir-butir kesalahan tatatertib, kemajuan dalam perjalanan pembicaraan, keputusan pembicaraan, dan lain-lain maklumat atau butir sebagaimana yang diarahkan oleh Timbalan Naib-Canselor tersebut.

Daftar pembicaraan tatatertib.

59. (1) Jika seseorang pelajar telah didapati bersalah atas suatu kesalahan tatatertib, Timbalan Naib-Canselor hendaklah menghantar suatu laporan berkenaan dengan pembicaraan tatatertib itu kepada ibubapa atau penjaga pelajar itu dan kepada Menteri dan, jika pelajar itu pelajar berbiasiswa, kepada pihakberkuasa atau badan penaja biasiswa atau pemberi biasiswa itu.

Laporan pembicaraan kepada ibubapa, Menteri, dsb.

(2) Ibubapa atau penjaga, atau pihakberkuasa atau badan penaja biasiswa atau pemberi biasiswa pelajar itu, mengikut mana yang berkenaan, adalah berhak mendapat suatu salinan yang diperakui bagi nota-nota pembicaraan itu yang dibuat di bawah kaedah 56 dengan membayar bayaran yang ditentukan oleh Timbalan Naib-Canselor dan bagaimanapun bayaran itu tidak boleh lebih daripada lima puluh ringgit.

## TATATERTIB PELAJAR-PELAJAR

(3) Suatu salinan yang diperakui bagi nota-nota pembicaraan tatatertib yang dibuat di bawah kaedah 56 berkenaan dengan sesuatu kes tertentu hendaklah diberi oleh Timbalan Naib-Canselor kepada Menteri jika Menteri berkehendakannya.

Membayar denda.

60. Jika pihakberkuasa tatatertib mengenakan suatu hukuman denda ke atas pelajar itu pihakberkuasa tatatertib hendaklah menyatakan tempoh denda itu dalam tempoh tersebut kepada Bendahari.

Akibat tidak membayar denda.

61. Jika pelajar itu tidak membayar denda itu dalam tempoh yang ditentukan di bawah kaedah 60, ia hendaklah serta-merta berikutan dengan itu digantung daripada menjadi pelajar Universiti dan ia tidak boleh selepas daripada itu berada dalam Kampus atau masuk kedalamnya; penggantungan itu hendaklah berterusan sehingga denda itu dibayar.

Perintah membayar pampasan.

62. (1) Jika apa-apa hukuman dikenakan ke atas seseorang pelajar di bawah kaedah 54, maka pihakberkuasa tatatertib boleh, selain daripada itu, memerintah pelajar itu membayar pampasan sebanyak yang ditetapkan oleh pihakberkuasa tatatertib berkenaan dengan apa-apa kerosakan kepada mana-mana harta atau berkenaan dengan apa-apa kerugian atau bencana kepada mana-mana orang yang pelajar itu mungkin didapati bertanggungjawab atasnya oleh pihakberkuasa tatatertib semasa menjalankan pembicaraan tatatertib itu; seseorang pelajar mungkin diperintah membayar pampasan di bawah perenggan ini tidak kira sama ada harta yang rosak itu kepunyaan Universiti atau kepunyaan orang lain.

(2) Amaun pampasan yang ditetapkan oleh pihakberkuasa tatatertib di bawah perenggan (1) hendaklah suatu amaun yang patut dan menasabah dengan memberi perhatian kepada segala hal-kedaan kes itu dan hal-kedaan orang-orang yang terlibat di dalamnya.

(3) Pampasan yang ditetapkan di bawah perenggan (1) hendaklah dibayar oleh pelajar itu kepada Bendahari dalam tempoh yang ditentukan oleh pihakberkuasa tatatertib.

(4) Peruntukan-peruntukan kaedah 61 hendaklah dipakai *mutatis mutandis* jika pelajar itu tidak membayar pampasan yang ditetapkan di bawah perenggan (1) dalam tempoh yang ditentukan di bawah perenggan (3).

(5) Bendahari hendaklah membayar wang pampasan yang dibayar oleh pelajar di bawah perenggan (3) itu kepada orang yang diperakui oleh pihakberkuasa tatatertib sebagai berhak menerimanya.

(6) Apa-apa pampasan yang kena dibayar atau dibayar di bawah kaedah ini adalah tidak menyentuh hak mana-mana orang untuk mengambil langkah-langkah pembicaraan sivil dalam mahkamah undang-undang untuk mendapatkan gantirosak atau pampasan berkenaan dengan kerosakan, kerugian atau bencana yang tersebut dalam perenggan (1), atau hak mana-mana orang untuk menerima apa-apa bayaran atau pampasan di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain berkenaan dengan kerosakan, kerugian atau bencana itu.

## TATATERTIB PELAJAR-PELAJAR

63. Tiada seorangpun boleh hadir dalam sesuatu pembicaraan tatatertib kecuali—

- (a) pihakberkuasa tatatertib dan kakitangannya;
- (b) pelajar yang terhadapnya pembicaraan tatatertib itu diambil;
- (c) ibubapa atau penjaga pelajar itu;
- (d) seorang saksi semasa ia memberi keterangan, atau apabila dikehendaki oleh pihakberkuasa tatatertib; dan
- (e) mana-mana orang lain yang dibenarkan hadir oleh pihakberkuasa tatatertib kerana sesuatu sebab yang khas.

Orang-orang  
yang boleh  
hadir dalam  
pembicaraan  
tatatertib.

## BAHAGIAN VI RAYUAN-RAYUAN

64. (1) Jika seseorang pelajar tidak puas hati dengan keputusan pihakberkuasa tatatertib, ia boleh memberi notis secara bertulis tentang cadangannya hendak merayu terhadap keputusan itu dengan memfail dengan Timbalan Naib-Canselor suatu notis rayuan dalam dua salinan dalam masa lima hari dari tarikh keputusan itu telah diberi.

Notis rayuan.

(2) Notis rayuan itu hendaklah menyatakan dengan terang alasan-alasan rayuan itu.

65. Timbalan Naib-Canselor hendaklah, setelah menerima notis rayuan itu, mengemukakannya kepada Menteri bersama dengan suatu salinan nota-nota pembicaraan tatatertib yang berkenaan dengannya notis rayuan itu diberi.

Menyampaikan  
rayuan  
kepada  
Menteri.

66. (1) Menteri boleh, apabila menerima notis rayuan dan nota-nota pembicaraan tatatertib itu daripada Timbalan Naib-Canselor, meminta apa-apa maklumat atau butir lanjut yang difikirkannya patut berkaitan dengan pembicaraan tatatertib itu.

Tindakan  
Menteri  
terhadap  
rayuan.

(2) Jika Menteri menolak secara terus rayuan di bawah seksyen-kecil (4) seksyen 168 Akta itu, keputusan Menteri itu hendaklah disampaikan kepada pelajar itu melalui Timbalan Naib-Canselor.

Akta 30

(3) Jika Menteri melantik suatu jawatankuasa di bawah seksyen-kecil (5) seksyen 168 Akta itu untuk menimbangkan rayuan itu, keputusan Menteri mengenai rayuan itu yang dibuat selepas menerima syor-syor jawatankuasa itu hendaklah disampaikan kepada pelajar itu melalui Timbalan Naib-Canselor.

Akta 30

67. Sesuatu rayuan yang dibuat oleh seseorang pelajar adalah tidak berkuatkuasa sebagai menggantung pelaksanaan hukuman yang dikenakan di bawah kaedah 54 atau sebagai menggantung pembayaran apa-apa pampasan yang diperintahkan dibayar di bawah kaedah 62, melaninkan jika Timbalan Naib-Canselor atau Menteri mengarahkan sebaliknya.

Rayuan tidak  
berkuatkuasa  
sebagai  
menggantung  
pelaksanaan.

## TATATERTIB PELAJAR-PELAJAR

### BAHAGIAN VII AM

Tanggungan tatatertib pemegang jawatan dsb., pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar.

68. (1) Jika sesuatu kesalahan tatatertib telah dilakukan di bawah Kaedah-kaedah ini, sama ada seseorang pelajar telah didapati bersalah berkenaan dengannya atau tidak, dan kesalahan tatatertib itu telah dilakukan atau berupa sebagai telah dilakukan atas nama atau bagi pihak sesuatu pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar Universiti yang ditubuhkan oleh, di bawah atau mengikut Perlembagaan, atau atas nama atau bagi pihak lain-lain pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar Universiti, maka tiap-tiap pemegang jawatan pertubuhan, badan atau kumpulan itu dan tiap-tiap pelajar yang mengurus atau membantu dalam pengurusan pertubuhan, badan atau kumpulan itu pada masa kesalahan tatatertib itu dilakukan hendaklah disifatkan sebagai bersalah atas kesalahan tatatertib itu dan boleh dikenakan hukuman keranaanya, melainkan jika ia membuktikan dengan memuaskan hati pihakberkuasa tatatertib yang berkenaan bahawa kesalahan tatatertib itu telah dilakukan tanpa pengetahuannya dan bahawa ia telah menjalankan segala usaha yang sejawarnya untuk mencegah berlakunya kesalahan tatatertib itu.

(2) Tindakan boleh diambil di bawah kaedah ini terhadap mana-mana pemegang jawatan, atau seseorang pelajar yang mengurus atau membantu dalam pengurusan, mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan yang tersebut dalam perenggan (1), walaupun ia mungkin telah tidak mengambil bahagian dalam melakukan kesalahan tatatertib itu.

(3) Dalam sesuatu pembicaraan tatatertib di bawah kaedah ini menge-nai seseorang pemegang jawatan, atau seseorang pelajar yang mengurus atau membantu dalam pengurusan mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan yang tersebut dalam perenggan (1), apa-apa dokumen yang dijumpai dalam milik seseorang pemegang jawatan, atau seseorang pelajar yang mengurus atau membantu dalam pengurusan pertubuhan, badan atau kumpulan itu, atau dalam milik seseorang ahli pertubuhan, badan atau kumpulan itu adalah keteterangan *prima facie* mengenai kandungan dokumen itu bagi maksud membuktikan bahawa sesuatu telah dilakukan atau berupa sebagai telah dilakukan oleh atau bagi pihak pertubuhan, badan atau kumpulan itu.

Anggapan-

69. Dalam mana-mana pembicaraan tatatertib terhadap seseorang pelajar:

- (a) adalah tidak perlu membuktikan bahawa sesuatu pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar mempunyai sesuatu nama atau bahawa ia telah ditubuhkan atau ia adalah biasanya dikenali dengan sesuatu nama yang tertentu;
- (b) jika apa-apa buku, akaun, tulisan, senarai ahli-ahli, meteri, panji-panji atau insignia bagi, atau berhubung dengan, atau berupa sebagai berhubung dengan, sesuatu pertubuhan, badan atau kumpulan orang dijumpai dalam milik, jagaan atau kawalan seseorang pelajar, maka hendaklah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, bahawa pelajar itu adalah seorang ahli pertubuhan, badan atau kumpulan itu dan pertubuhan, badan atau kumpulan itu hendaklah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, sebagai telah sedia ada pada masa

#### TATATERTIB PELAJAR-PELAJAR

- buku, akaun, tulisan, senarai ahli-ahli, meteri, panji-panji atau insig-nia itu dijumpai sedemikian; dan
- (c) jika apa-apa buku, akaun, tulisan, senarai ahli-ahli, meteri, panji-panji atau insignia bagi, atau berhubung dengan, sesuatu pertubuhan, badan atau kumpulan orang dijumpai dalam milik, jagaan atau kawalan seseorang pelajar, maka hendaklah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, bahawa pelajar itu adalah membantu dalam pengurusan pertubuhan, badan atau kumpulan itu.
70. Seseorang pelajar yang melakukan pelanggaran terhadap, atau yang tidak mematuhi, atau yang melanggar, mana-mana daripada Kaedah-kaedah ini atau mana-mana sekatan, syarat atau had yang dikenakan di bawah Kaedah-kaedah ini atau di bawah mana-mana perintah atau arahan yang diberi di bawah Kaedah-kaedah ini adalah bersalah atas suatu kesalahan tatatertib.
71. Tiada apa-apa juu dalam kaedah-kaedah ini boleh mengurangkan tanggungan mana-mana pelajar atau lain-lain orang atas apa-apa kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

Kesalahan-kesalahan tatatertib.

Kaedah-kaedah ini tidak mengurangkan tanggungan jenayah.

{P.U.(A) 293/75}

**LAMPIRAN B**

---

## **SENARAI INDIVIDU YANG DITEMUBUAL**

1. Temubual antara penulis dengan Ghazali Jaapar, Presiden Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya (PMUM) Sesi 1994/ 95 pada 7 September 1997.
2. Temubual antara penulis dengan Khairuddin Mohd., Presiden Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya (PMUM) Sesi 1995/ 96 pada 11 November 1997.
3. Temubual antara penulis dengan Hasnan Zainuddin, Presiden Asrama Kelima Universiti Malaya Sesi 1994/ 95 pada 2 Disember 1997.
4. Temubual antara penulis dengan Mohd. Zaidi Md. Zain, Exco Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya (PMUM) Sesi 1994/ 95 pada 12 Disember 1997.
5. Temubual antara penulis dengan Mursidi Ahmad, Exco Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya (PMUM) Sesi 1994/ 95 pada 16 Januari 1998.
6. Temubual antara penulis dengan Mazlan Ali, Presiden Asrama Pertama Universiti Malaya (ASTAR) Sesi 1995/ 96 pada 9 Februari 1998.
7. Temubual antara penulis dengan Sirusmini Sidik, Ahli Jawatankuasa Persatuan Mahasiswa Kelantan Universiti Malaya(PMK) Sesi 1995/ 96 pada 11 Februari 1998.
8. Temubual antara penulis dengan Salmah Ahmad, penuntut Universiti Malaya Sesi 1996/ 97 pada 20 Februari 1998.